
BAB 15 TADBIR URUS KORPORAT**BAHAGIAN A – AM****15.01 Pengenalan**

Bab ini menetapkan kehendak yang mesti dipatuhi oleh perbadanan tersenarai dan para pengarahnya berkenaan dengan tadbir urus korporat.

BAHAGIAN B – PARA PENGARAH**15.02 Komposisi lembaga pengarah**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa sekurang-kurangnya 2 pengarah atau 1/3 daripada lembaga pengarah perbadanan tersenarai, mana-mana yang lebih tinggi, adalah pengarah bebas.
- (2) Jika bilangan pengarah perbadanan tersenarai bukan 3 atau gandaan dari 3, maka bilangan terdekat 1/3 mesti digunakan.
- (3) Sekiranya terdapat mana-mana kekosongan dalam lembaga pengarah, yang mengakibatkan ketidakpatuhan dengan sub-Kaedah (1) di atas, perbadanan tersenarai mesti mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh 3 bulan.

15.03 Aku janji dan surat oleh pengarah

- (1) Seorang yang dilantik sebagai pengarah perbadanan tersenarai mesti menyerahkan kepada Bursa, satu akujanji dalam bentuk yang ditentukan oleh Bursa berkenaan dengan perbadanan tersenarai tersebut, dengan segera selepas pelantikannya dan dalam keadaan apa pun, tidak lewat daripada 14 hari selepas pelantikannya.

[Rujukan silang: Lampiran GN15-C Nota Panduan 15]

- (2) Seorang yang dilantik sebagai pengarah bebas mesti menyerahkan kepada Bursa surat (dalam bentuk yang ditentukan oleh Bursa) dengan segera selepas pelantikannya dan dalam keadaan apa pun, tidak lewat daripada 14 hari selepas pelantikannya.

[Rujukan Silang: Lampiran GN15-D Nota Panduan 15]

15.03A Pemberian maklumat oleh pengarah

Jika perbadanan tersenarai membuat siasatan terhadap salah seorang pengarahnya bagi maksud membuat penzahiran berkenaan Kehendak-kehendak ini, pengarah tersebut mesti memberikan maklumat dengan segera kepada perbadanan tersenarai yang -

- (a) jelas, tidak kabur dan tepat;
- (b) tidak mengandungi sebarang ketinggalan material; dan
- (c) tidak palsu atau mengelirukan.

15.04 Hak-hak pengarah

Melainkan diperuntukkan selainnya atau tertakluk kepada undang-undang yang terpakai atau Kehendak-kehendak ini, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa setiap pengarah mempunyai hak kepada sumber, apabila perlu dan wajar untuk pelaksanaan tugasnya, atas kos yang ditanggung oleh perbadanan tersenarai dan selaras dengan prosedur yang akan ditentukan oleh lembaga pengarah, termasuk tetapi tidak terhad kepada -

- (a) mendapatkan akses penuh dan tanpa sekatan kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan perbadanan tersenarai;
- (b) mendapatkan akses penuh dan tanpa sekatan kepada nasihat dan perkhidmatan setiausaha syarikat; dan
- (c) mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain.

15.05 Kelayakan, pengosongan jawatan dan penyingkiran pengarah

(1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tidak ada individu yang dilantik atau dibenarkan untuk bertindak sebagai pengarah perbadanan atau terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan perbadanan, termasuk bertindak dalam kapasiti penasihat berhubung dengan perbadanan, jika dia -

- (a) telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah undang-undang, sama ada di dalam Malaysia atau di tempat lain, atas kesalahan yang berkaitan dengan penganjuran, penubuhan atau pengurusan sebuah perbadanan;
- (b) telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah undang-undang, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, atas kesalahan, yang melibatkan rasuah, penipuan atau ketidakjujuran atau jika sabitan itu melibatkan penemuan bahawa dia telah bertindak secara penipuan atau tidak jujur; atau
- (c) telah disabitkan oleh mahkamah undang-undang atas kesalahan di bawah undang-undang sekuriti atau undang-undang perbadanan di tempat pemerbadanan perbadanan tersenarai,

dalam jangka masa 5 tahun dari tarikh sabitan atau jika dijatuhkan hukuman penjara, dari tarikh dibebaskan dari penjara, dalam kes yang berkenaan.

(2) [Dipotong]

(3) Jawatan pengarah akan menjadi kosong jika pengarah -

- (a) tergolong dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam seksyen 208 Akta Syarikat;
- (b) tidak hadir lebih daripada 50% daripada jumlah mesyuarat lembaga pengarah yang diadakan dalam sesuatu tahun kewangan; atau
- (c) disabitkan oleh mahkamah, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, berkaitan dengan kesalahan yang dinyatakan dalam sub-Kaedah (1) (a), (b) atau (c) di atas.

(4) Untuk tujuan sub-Kaedah (3) (c) di atas, jika pengarah dilantik setelah bermulanya sesuatu tahun kewangan, maka hanya mesyuarat lembaga pengarah yang diadakan selepas pelantikannya akan diambil kira.

-
- (5) Jika pengarah dipecat daripada jawatan, perbadanan tersenarai mesti mengemukakan salinan representasi bertulis yang dibuat oleh pengarah tersebut kepada Bursa pada masa yang sama apabila salinan representasi tersebut dihantar kepada anggota perbadanan tersenarai di bawah seksyen 207 (3) (b) Akta Syarikat, melainkan jika salinan representasi tersebut tidak perlu dihantar atas sebab hal keadaan yang dinyatakan dalam seksyen 207 (5) Akta Syarikat.

15.06 Sekatan ke atas pemegangan jawatan pengarah dalam penerbit tersenarai

- (1) Pengarah pemohon atau perbadanan tersenarai tidak boleh memegang lebih daripada 5 jawatan pengarah dalam penerbit tersenarai.
- (2) Untuk tujuan Kaedah ini, "**penerbit tersenarai**" mempunyai erti yang diberikan di dalam Bab 1 Kehendak-kehendak Penyenaarian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

15.07 [Dipotong]

15.08 Latihan para pengarah

- (1) Pengarah perbadanan tersenarai hendaklah memastikan bahawa dia menghadiri program latihan seperti yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa.
- (2) Bursa menganggap latihan berterusan untuk pengarah-pengarah perbadanan tersenarai adalah penting untuk membolehkan para pengarah melaksanakan kewajipan mereka dengan berkesan. Dalam hal ini, lembaga pengarah perbadanan tersenarai mesti secara berterusan, menilai dan menentukan keperluan latihan para pengarahnya. Hal perkara latihan hendaklah bersesuaian bagi membantu pengarah dalam menjalankan tugasnya sebagai pengarah.
- (3) Lembaga pengarah mesti menzahirkan dalam laporan tahunan perbadanan tersenarai, pernyataan mengenai latihan yang dihadiri oleh para pengarahnya yang merangkumi maklumat berikut:
- (a) lembaga pengarah telah melaksanakan penilaian terhadap keperluan latihan bagi setiap pengarah;
 - (b) penerangan ringkas mengenai jenis latihan yang telah dihadiri oleh para pengarah bagi tahun kewangan itu; dan
 - (c) dalam keadaan luar biasa, di mana seorang pengarah tidak menghadiri latihan sepanjang tahun kewangan, justifikasi yang sah untuk ketidakhadiran pengarah tersebut.

[Rujukan Silang: Nota Panduan 10]

BAHAGIAN B(A) – JAWATANKUASA PENCALONAN

15.08A Jawatankuasa pencalonan

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menubuhkan sebuah jawatankuasa pencalonan yang terdiri secara eksklusif dari pengarah bukan eksekutif, yang majoritinya mestilah bebas.
- (2) Jawatankuasa pencalonan harus memiliki terma rujukan bertulis yang berkaitan dengan bidang kuasa dan kewajipannya yang mesti merangkumi pemilihan dan penilaian para pengarah, dan maklumat tersebut mesti tersedia di laman sesawang perbadanan tersenarai.

-
- (3) Perbadanan tersenarai mesti menyatakan, dalam laporan tahunannya, suatu pernyataan mengenai aktiviti jawatankuasa pencalonan dalam menjalankan kewajipannya bagi tahun kewangan itu. Pernyataan tersebut mesti termasuk bagaimana kehendak yang dinyatakan dalam Kaedah 2.20A dipenuhi dan mengandungi maklumat berikut:
- (a) dasar mengenai komposisi lembaga dengan mengambil kira gabungan kemahiran, kebebasan dan kepelbagaian (termasuk kepelbagaian jantina) yang diperlukan untuk memenuhi keperluan perbadanan tersenarai;
 - (b) proses pencalonan dan pemilihan pengarah dan kriteria yang digunakan oleh jawatankuasa pencalonan dalam proses pemilihan; dan
 - (c) penilaian yang dilaksanakan oleh jawatankuasa pencalonan berkenaan dengan lembaga, jawatankuasa dan pengarah secara individu bersama-sama kriteria yang digunakan untuk penilaian tersebut.

BAHAGIAN C – JAWATANKUASA AUDIT

15.09 Komposisi jawatankuasa audit

- (1) Perbadanan tersenarai mesti melantik suatu jawatankuasa audit dari kalangan pengarahnya yang memenuhi kehendak berikut:
- (a) jawatankuasa audit mesti terdiri daripada tidak kurang dari 3 orang anggota;
 - (b) semua ahli jawatankuasa audit mestilah terdiri dari pengarah bukan eksekutif, dengan majoriti mereka adalah pengarah bebas; dan
 - (c) sekurang-kurangnya seorang anggota jawatankuasa audit -
 - (i) mesti menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
 - (ii) jika dia bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, dia mesti mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman kerja dan -
 - (aa) dia mesti lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - (bb) dia mesti menjadi anggota salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - (iii) memenuhi apa-apa kehendak lain seperti yang ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tidak ada pengarah alternatif yang dilantik sebagai anggota jawatankuasa audit.

[Rujukan Silang: Nota Panduan 9]

15.10 Pengerusi jawatankuasa audit

Anggota jawatankuasa audit mesti memilih pengerusi antara mereka yang merupakan pengarah bebas.

15.11 Terma rujukan bertulis

Jawatankuasa audit mesti mempunyai terma rujukan bertulis yang berkaitan dengan bidang kuasa dan kewajipannya, dan maklumat tersebut mesti tersedia di laman sesawang perbadanan tersenarai.

15.12 Fungsi jawatankuasa audit

Tanpa mengehadkan keluasan Kaedah 15.11 di atas, perbadanan tersenarai mesti memastikan jawatankuasa audit mesti, antara lain, melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

- (1) mengkaji semula perkara berikut dan melaporkannya kepada lembaga pengarah perbadanan tersenarai:
 - (a) dengan juruaudit luar, rancangan audit;
 - (b) dengan juruaudit luar, penilaiannya mengenai sistem kawalan dalaman;
 - (c) dengan juruaudit luar, laporan auditnya;
 - (d) bantuan yang diberikan oleh pekerja perbadanan tersenarai kepada juruaudit luar;
 - (e) kecukupan skop, kecekapan dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai bidang kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
 - (f) rancangan audit dalaman, proses, keputusan penilaian audit dalaman, penyiasatan yang dilaksanakan dan sama ada tindakan yang sesuai diambil atau tidak ke atas saranan tersebut;
 - (g) keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun, sebelum diluluskan oleh lembaga pengarah, dengan memberi tumpuan terutamanya pada -
 - (i) perubahan atau pelaksanaan perubahan dasar perakaunan utama;
 - (ii) perkara signifikan yang ditekankan termasuk isu pelaporan kewangan, pertimbangan signifikan yang dibuat oleh pihak pengurusan, peristiwa atau transaksi yang signifikan dan luar biasa, dan bagaimana perkara-perkara ini ditangani; dan
 - (iii) pematuhan dengan piawaian perakaunan dan kehendak undang-undang lain;
 - (h) apa-apa transaksi pihak berkaitan dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam perbadanan tersenarai atau kumpulan termasuk sebarang transaksi, prosedur atau tingkah laku yang menimbulkan persoalan integriti pengurusan;
 - (i) apa-apa surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar perbadanan tersenarai; dan
 - (j) sama ada terdapat sebab (yang disokong oleh alasan) untuk mempercayai bahawa juruaudit luar perbadanan tersenarai tidak sesuai untuk pelantikan semula; dan
- (2) mengesyorkan pencalonan seseorang sebagai juruaudit luar.

15.13 Kehadiran pengarah dan pekerja lain

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pengarah dan pekerja lain menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa audit tertentu hanya atas jemputan jawatankuasa audit, khusus untuk mesyuarat yang berkaitan.

15.14 Prosedur jawatankuasa audit

Jawatankuasa audit boleh mengawal selia prosedurnya sendiri, khususnya –

- (a) pemanggilan mesyuarat;
- (b) notis yang akan diberikan untuk mesyuarat tersebut;
- (c) pengundian dan prosiding mesyuarat tersebut;
- (d) penyimpanan minit mesyuarat; dan
- (e) kawalan, pengemukaan dan pemeriksaan minit mesyuarat tersebut.

15.15 Laporan jawatankuasa audit

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa lembaga pengarahnya menyediakan laporan jawatankuasa audit pada akhir setiap tahun kewangan yang mematuhi sub-Kaedah (2) dan (3) di bawah.
- (2) Laporan jawatankuasa audit mesti dinyatakan dengan jelas dalam laporan tahunan perbadanan tersenarai.
- (3) Laporan jawatankuasa audit mesti merangkumi yang berikut:
 - (a) komposisi jawatankuasa audit, termasuk nama, jawatan (dengan menunjukkan pengerusi) dan pemegang jawatan pengarah oleh anggota (dengan menunjukkan sama ada pengarah itu adalah bebas atau sebaliknya);
 - (b) [dipotong]
 - (c) bilangan mesyuarat jawatankuasa audit yang diadakan sepanjang tahun kewangan dan perincian kehadiran setiap ahli jawatankuasa audit;
 - (d) ringkasan kerja jawatankuasa audit dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya bagi tahun kewangan perbadanan tersenarai dan bagaimana ia memenuhi tanggungjawabnya;
 - (e) ringkasan kerja fungsi audit dalaman.

15.16 Pelaporan pelanggaran kepada Bursa

Jika jawatankuasa audit berpendapat bahawa perkara yang dilaporkan olehnya kepada lembaga pengarah perbadanan tersenarai masih belum diselesaikan dengan memuaskan sehingga mengakibatkan pelanggaran terhadap Kehendak-kehendak ini, jawatankuasa audit mesti dengan segera melaporkan perkara tersebut kepada Bursa.

15.17 Hak jawatankuasa audit

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa bilamana perlu dan munasabah bagi pelaksanaan kewajipannya, sebuah jawatankuasa audit mesti, menurut prosedur yang ditentukan oleh lembaga pengarah dan atas kos yang ditanggung oleh perbadanan tersenarai -

- (a) mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa perkara dalam terma rujukannya;
- (b) mempunyai sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan kewajipannya;
- (c) mempunyai akses penuh dan tidak terhad kepada apa-apa maklumat mengenai perbadanan tersenarai;
- (d) mempunyai saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan orang yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman;
- (e) boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- (f) dapat mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, individu yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman, atau kedua-duanya, tanpa kehadiran pengarah lain dan pekerja perbadanan tersenarai, bilamana difikirkan perlu.

15.18 Kuorum jawatankuasa audit

Untuk membentuk korum berkenaan dengan mesyuarat jawatankuasa audit, majoriti anggota yang hadir mestilah pengarah bebas.

15.19 Persaraan dan peletakan jawatan

Sekiranya terdapat apa-apa kekosongan dalam jawatankuasa audit yang mengakibatkan ketidakpatuhan Kaedah 15.09 (1) dan 15.10 di atas, perbadanan tersenarai mesti mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh 3 bulan.

15.20 Kajian semula jawatankuasa audit

Jawatankuasa pencalonan perbadanan tersenarai mesti mengkaji semula tempoh jawatan dan prestasi jawatankuasa audit dan setiap anggotanya setiap tahun untuk menentukan sama ada jawatankuasa audit dan anggota tersebut telah menjalankan kewajipan mereka mengikut terma rujukan mereka.

BAHAGIAN D - JURUAUDIT**15.21 Juruaudit luar**

Dalam melantik juruaudit luar, perbadanan tersenarai mesti mempertimbangkan, antara lain -

- (a) kecukupan pengalaman dan sumber firma perakaunan;
- (b) orang yang ditugaskan untuk menjalankan audit;
- (c) penglibatan audit firma perakaunan;
- (d) saiz dan kerumitan kumpulan perbadanan tersenarai yang diaudit; dan
- (e) bilangan dan pengalaman kakitangan penyeliaan dan profesional yang ditugaskan untuk audit tertentu.

15.22 Pemecatan atau peletakan jawatan juruaudit luar

Jika juruaudit luar dipecat dari jawatan atau memberi notis kepada perbadanan tersenarai mengenai hasrat mereka untuk meletak jawatan sebagai juruaudit luar perbadanan tersenarai, perbadanan tersenarai mesti mengemukakan kepada Bursa salinan representasi bertulis atau pernyataan mengenai hal keadaan yang berkaitan dengan peletakan jawatan yang dibuat oleh juruaudit luar pada masa yang sama dengan masa salinan representasi atau pernyataan mengenai hal keadaan tersebut dikemukakan kepada Pendaftar menurut seksyen 284 Akta Syarikat.

15.23 Kajian semula pernyataan

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa juruaudit luar mengkaji semula pernyataan yang dibuat oleh lembaga pengarah perbadanan tersenarai menurut Kaedah 15.26 (b) di bawah ini, berkenaan dengan keadaan pengurusan risiko dan kawalan dalaman perbadanan tersenarai dan melaporkan keputusannya itu kepada lembaga pengarah perbadanan tersenarai.

15.24 Hak untuk mengadakan mesyuarat

Atas permintaan juruaudit luar, pengerusi jawatankuasa audit mesti mengadakan mesyuarat jawatankuasa untuk mempertimbangkan apa-apa perkara yang dipercayai oleh juruaudit luar perlu dibawa kepada perhatian para pengarah atau pemegang syer.

BAHAGIAN E – PENZAHIRAN TADBIR URUS KORPORAT**15.25 Penzahiran maklumat berkaitan dengan tadbir urus korporat**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa lembaga pengarahnya memberikan gambaran keseluruhan mengenai pemakaian Prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam MCCG, dalam laporan tahunannya.
- (2) Sebagai tambahan, perbadanan tersenarai mesti menzahirkan pemakaian setiap Amalan yang dinyatakan dalam MCCG sepanjang tahun kewangan, kepada Bursa dalam format yang ditentukan dan mengumumkannya berserta dengan pengumuman laporan tahunan. Perbadanan tersenarai mesti menyatakan dalam laporan tahunannya, pautan atau alamat laman sesawang yang ditetapkan di mana penzahiran tersebut boleh dimuat turun.

[Rujukan Silang: Nota Panduan 11]

15.26 Pernyataan tambahan oleh lembaga pengarah

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa lembaga pengarahnya membuat pernyataan tambahan berikut dalam laporan tahunannya:

- (a) pernyataan yang menjelaskan tanggungjawab lembaga pengarah untuk menyediakan penyata kewangan teraudit tahunan; dan
- (b) pernyataan mengenai keadaan pengurusan risiko dan kawalan dalaman perbadanan tersenarai sebagai kumpulan.

[Rujukan Silang: Nota Panduan 11]

BAHAGIAN F - AUDIT DALAMAN**15.27 Audit dalaman**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mewujudkan fungsi audit dalaman yang bebas daripada aktiviti yang diauditnya.
- (2) Perbadanan tersenarai harus memastikan fungsi audit dalamannya melapor terus kepada jawatankuasa audit.

BAHAGIAN G – PENCEGAHAN RASUAH DAN PEMBERIAN MAKLUMAT**15.28 Pencegahan rasuah dan pemberian maklumat**

- (1) Perbadanan tersenarai dan lembaga pengarahnya mesti memastikan bahawa -
 - (a) yang berikut ditubuhkan dan disenggarakan bagi perbadanan tersenarai dan subsidiari-subsidiarinya ("**kumpulan**"):
 - (i) dasar dan prosedur mengenai pencegahan rasuah yang, sekurang-kurangnya berpandukan Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan menurut seksyen 17A (5) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009; dan
 - (ii) dasar dan prosedur mengenai pemberian maklumat;
 - (b) dasar dan prosedur dalam sub-Kaedah (a) di atas dikaji semula berkala untuk menilai keberkesanannya, dan dalam apa jua keadaan, sekurang-kurangnya sekali setiap 3 tahun; dan
 - (c) risiko rasuah dimasukkan dalam penilaian risiko tahunan kumpulannya.
- (2) Perbadanan tersenarai juga mesti menerbitkan di laman sesawangnya –
 - (a) dasarnya mengenai pencegahan rasuah; dan
 - (b) dasar dan prosedurnya mengenai pemberian maklumat.

[Bab tamat]